



Anas menang dalam Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016

Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Anas Mohamad Husain Kassim yang berasal dari negara Iraq membanggakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila berjaya meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016 di Putrajaya pada 26 Mac 2016 yang lalu.

Beliau yang bertanding bagi kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia telah membawa pulang membawa pulang wang tunai RM8,000, piala iringan, set kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan sijil penyertaan.

Menurut Anas, 26, beliau amat bersyukur dengan kemenangan ini kerana ianya merupakan penyertaan kali kedua sejak tahun lepas dalam menceburan bidang pidato namun tidak menyangka pada tahun ini kemenangan berpihak kepadanya yang layak sehingga ke peringkat akhir.

"Terima kasih kepada UMP yang memberi peluang kepada saya dan tidak lupa juga

kepada Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Siti Muslihan Isnain serta rakan-rakan yang banyak memberi dorongan dalam kejayaan ini," katanya.

Pada peringkat akhir ini Anas memilih tajuk 'Keamanan Dunia' kerana mengenangkan negara asalnya yang tidak pernah aman sejak tahun 2004. Beliau begitu sukakan negara Malaysia dengan keamanan dan kepelbagaiannya kaum yang hidup bersatu padu.

Di akhir pidatonya, beliau turut mengharapkan semoga bumi kelahirannya Iraq kembali aman, kanak-kanak boleh bermain dengan bebas dan semua dapat hidup bermuafakat dan para pemimpin saling berjabat tangan.

Menurut pelajar Sarjana Kejuruteraan Awam ini dalam membuat teks pidato, beliau cuba menggunakan perkataan yang mudah dan senang disebut. Sekiranya terdapat perkataan yang susah disebut, Anas akan mengulang perkataan tersebut sehingga

mendapatkan bunyi yang betul, terutamanya perkataan yang ada mengabungkan huruf 'ng' sebagai contoh mengejar.

Malah sebagai persediaan, Anas telah memulakan latihan ini sejak awal bulan Mac lagi dan pada masa yang sama beliau perlu membahagikan masa dalam pengajian dan latihan.

Anak pasangan Profesor Muhamad Husain Kassim Albazirgan dan Balsam Adnan ini berkata, beliau berhasrat untuk menyimpan wang hadiahnya yang bernilai RM8,000 ini untuk kegunaan masa hadapan.

Beliau yang bercita-cita untuk menyambung pelajaran sehingga ke peringkat Doktor falsafah dan menjadi pakar bahasa. Kini beliau boleh menguasai empat jenis bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Perancis.

Bagi tempat pertama dan kedua kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia telah dimenangi oleh Abdalla Hassan Gharib yang berasal dari Tanzania mewakili Universiti